

Headline	HIV, Aids sukar berjangkit		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	13	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	192 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,056
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,168



HIV, Aids sukar berjangkit

KUALA LUMPUR

Perasaan bimbang atau takut dijangkiti apabila berada di samping pembawa virus *human immunodeficiency virus* (HIV) dan sindrom kurang daya tahan melawan penyakit (Aids) perlu dikikis dalam kalangan masyarakat.

Pemahaman dan pengetahuan mengenai HIV dan Aids penting agar tidak timbul keraguan, salah faham dan kewujudan mitos yang tidak munasabah tanpa melalui kajian saintifik.

Pakar Perunding Pediatrik dan Penyakit Berjangkit, Hospital Kuala Lumpur, Dr Kamarul Azhar Mohd Razali berkata, masyarakat perlu memahami terlebih dahulu perbezaan antara HIV dan Aids.

"HIV adalah virus yang menyerang sel darah putih dalam tubuh manusia dan menyebabkan Aids. Jika seseorang disahkan dijangkiti HIV, orang itu dipanggil positif HIV, tetapi



Dr Kamarul Azhar menunjukkan beberapa jenis ubatan yang perlu diambil oleh pembawa HIV dan penghidap Aids.

tidak semestinya menghidap Aids kerana Aids adalah peringkat terakhir jangkitan HIV.

"Untuk virus HIV menjadi Aids, ia mengambil masa yang lama bagi orang dewasa iaitu antara lapan hingga 15 tahun, bermula daripada seseorang

itu dijangkiti virus HIV. Manakala Aids merujuk kepada kumpulan penyakit yang dihadapi oleh individu yang positif HIV.

"Seseorang yang positif HIV hanya menandakan terdapat virus HIV dalam badan

pembawa. Tetapi penghidap Aids berada dalam keadaan di mana sistem pertahanan tubuhnya terlalu lemah dan tidak berdaya menentang sebarang jangkitan," katanya dalam sesi temu ramah bersama *Sinar Harian* dan TV AlHijrah.

Dr Kamarul Azhar berkata, peratusan untuk seseorang individu mendapat jangkitan daripada pembawa HIV atau penghidap Aids amat sedikit sekiranya individu tersebut menjauhi aktiviti berisiko tinggi.

"Sebenarnya penyakit ini tidak mudah menular melainkan individu tersebut mengamalkan gaya hidup yang berisiko tinggi seperti seks bebas dengan pembawa HIV positif, melakukan seks luar tabii dan perkongsian jarum.

"Masyarakat perlu perbetulkan konsep pemahaman mereka terhadap bagaimana jangkitan tersebut boleh menular," katanya.